Mari Melawat Malaysia



Industri pelancongan Malaysia kian berkembang. Hal ini kerana keunikan Malaysia yang kaya dengan tempat-tempat yang menarik untuk dilawati.

Selain itu, keunikan Malaysia juga terletak pada kepelbagaian warisan budaya. Di samping itu, Malaysia unik disebabkan wujudnya pulau-pulau yang indah. Pulau Tioman, Pulau Redang, Pulau Gaya dan sebagainya menarik minat pelancong untuk berkunjung ke Malaysia.

Selain keistimewaan Malaysia, usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan juga mengembangkan lagi industri pelancongan di Malaysia. Antaranya termasuklah menganjurkan pelbagai acara antarabangsa.

Kemudian, pihak kerajaan juga berusaha menyediakan prasarana pelancongan yang baik untuk menarik minat pelancong ke Malaysia.

Seterusnya, pihak kerajaan juga banyak mempromosikan Malaysia kepada pelancong asing. Contohnya, pihak kerajaan mengadakan pertunjukan kebudayaan dan pelbagai acara sukan antarabangsa yang menarik.



Peta Pokok:

Sebab perkembangan industri pelancongan

Keunikan Malaysia	Usaha pihak kerajaan

LIVEWORKSHEETS